

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 15 MAC 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PROGRAM AGROPRENEUR MUDA 2020 SASAR PENYERTAAN 1,200 GOLONGAN BELIA, NEWS, BERITA RTM -10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	SASARAN 1,200 AGROPRENEUR MUDA, NASIONAL, SH -7	
3.	GALAK USAHAWAN MUDA CEBURI BIDANG PERTANIAN, NASIONAL, SH -7	
4.	ANAK MUDA DIGALAK REBUT PROGRAM MOFI, SELANGOR & KL, SH -44	
5.	AIR CUKUP TAPI TIDAK SAMPAI KE SAWAH, TEMPATAN, HARIAN EKSPRES (KK) -3	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
6.	WATER WOES FACED BY PADDY FARMERS BEING LOOKED INTO, HOME, BORNEO POST (KK) -5	
7.	ENOUGH WATER BUT IT IS NOT REACHING THE PADDY FIELDS, NATION, DAILY EKSPRESS (KK) -3	
8.	TUBUH UNTI PADI BANTU TINGKAT PENGETAHUAN PADI KOTA BELUD, NEWS, BORNEO TODAY -10	
9.	NEKMAT STOCKING UP FROZEN FISH SUPPLY FOR MONSOON SEASON, HOME, NEW SABAH TIMES ENGLISH (KK) -6	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
10.	AKADEMI DUKUNG UPAYA KEMENTAN MELAWAN ALIH FUNGSI LAHAN PERTANIAN, NEWS, MALAYSIA SHAFAQNA -10	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Program Agroprenuer Muda 2020 sasar penyertaan 1,200 golongan belia		
MediaTitle	Berita RTM (berita.rtm.gov.my)		
Date	15 Mar 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,000
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,000

Program Agroprenuer Muda 2020 sasar penyertaan 1,200 golongan belia

Ditulis oleh Media Baharu Published in Berita Semasa KEPALA BATAS, 15 Mac - Kira-kira 1,200 belia disasar menyertai Program Agroprenuer Muda 2020. Menurut program anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Makanan itu, peserta yang berumur 18 tahun hingga...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Sasaran 1,200 agropreneur muda		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Mar 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	7	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	373 cm ²
Journalist	SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI	AdValue	RM 7,908
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,723



Sasaran 1,200 agropreneur muda

Program Agropreneur Muda sediakan bantuan berbentuk geran

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI

SEBERANG PERAI

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyasarkan seramai 1,200 usahawan menyertai Program Agropreneur Muda pada tahun ini bagi tujuan latihan dan bantuan.

Timbahan Ketua Setiausaha Dasar, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, setiap usahawan yang menyertai program tersebut akan diberi bantuan berbentuk geran iaitu barang untuk membantu meningkatkan pengeluaran hasil dan pendapatan agropreneur.

Menurutnya, program ter-



Jelajah Agropreneur Muda 2020 menyantuni kumpulan usahawan muda daerah Seberang Perai Utara di Pulau Pinang semalam.

sebut melibatkan bidang tanaman, ternakan, perikanan, industri asas tanah, agropelancongan dan pemasaran yang boleh diceburi usahawan berusia antara 18 hingga 40 tahun. "Di bawah program agropreneur yang bermula sejak tahun 2016, kita mengadakan Jelajah Agropreneur Muda (JAM) 2020 dan hari ini (semalam) kita di Zoo Utara.

"Ini merupakan edisi kedua. Edisi pertama diadakan pada Oktober tahun lalu. Sejak program ini dijalankan, kita mempunyai lebih 5,000 peserta," katanya kepada media di sini semalam.

Sementara itu, pengusaha dodol, G Devandaran berkata, bantuan dua buah mesin memasak dodol enzim yang diterima banyak membantunya

meningkatkan produktiviti produk beliau.

Devandaran yang memulakan perniagaan pada tahun 2017 dengan hanya menggunakan kereta untuk jualan kini mempunyai lebih 20 produk

untuk dieksport ke Dubai, Mexico, Singapura, Amerika Syarikat, China dan Indonesia.

"Dahulu saya hanya mampu membuat jualan sebanyak

RM6,000 sebulan tetapi kini meningkat sehingga RM250,000 sebulan," katanya.

Pengusaha santan, Shahril Farid Ishak pula berkata, melalui bantuan sebanyak empat buah mesin parut dan memerah kelapa, dia berhasil meluaskan perniagaannya dengan menghasilkan santan kotak dan memasarkannya ke seluruh negri.

Menurutnya, sebelum menerima bantuan tersebut, keuntungan yang diperolehnya sekitar RM4,000 sebulan tetapi kini meningkat sehingga RM6,000 sebulan.

Pengarah Operasi Eyda Icecream, Borhan Din turut berkongsi perkembangan positif melalui bantuan mesin ais krim yang diterimanya apabila beliau mampu menjana pendapatan daripada RM20,000 sebulan kepada RM30,000 sebulan.

Bagi Md Zuhaimi Samat, dia yang memulakan perusahaan madu kelulut pada 2013 dengan lima koloni kelulut kini berjaya memiliki sebanyak 150 koloni di taman seluas dua hektar.

Headline	Galak usahawan muda ceburi bidang pertanian		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	15 Mar 2020	Circulation	140,000
Section	Nasional	Readership	420,000
Page No	7	ArticleSize	364 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 7,717
Journalist	N/A	PR Value	RM 23,150
Frequency	Daily		



Galak usahawan muda ceburi bidang pertanian

SUNGAI PETANI - Menyedari bahawa sektor pertanian memberi pulangan yang memberangsangkan, seorang siswazah lulusan penerbangan menjadikan pertanian sebagai sumber pendapatan.

Pengasas Famox Plantation (M) Sdn Bhd, Ramana K Naidu, 30, yang merupakan usahawan agropreneur muda berbeka, beliau turut menggalakkan usahawan muda mencebur入 bidang pertanian.

Menurutnya, antara bidang pertanian yang memberi pulangan memberangsangkan ialah projek mentor mentee melibatkan penanaman jagung bijirin.

"Kita menggalakkan pelajar kolej pertanian menerima tawaran menerusi konsep pengurusan ladang kontrak menggunakan prosedur operasi standard (SOP) dan sistem terbaik, selain latihan, bimbingan, khidmat nasihat serta jaminan pembelian balik hasil pengeluaran akan diuruskan syarikat kami.

"Famox Plantation masih memerlukan lebih ramai usahawan agropreneur muda. Kami kini mempunyai seramai 15 peserta sejak enam bulan lalu dan mereka yang memiliki tanah sendiri akan diberi keutamaan," katanya kepada pemberita pada Jelajah Agropreneur Muda 2020 di Ladang Sungai Batu di sini semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setia-

usaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid.

Ramana berkata, projek berkenaan memberi peluang kepada seramai 100 peserta yang akan mengusahakan hampir 4,000 hektar penanaman jagung bijirin seluruh negara melalui usahamasa dengan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa).

Menurutnya, bantuan yang disalurkan melalui Unit Agropreneur Muda dan pembiayaan menerusi Agropreneur Muda mampu meningkatkan penghasilan tanaman, sekali gus memberi pulangan yang lumayan.

Sementara itu, seorang peniaga, Nik Fadzli Nik Mohd Fathil, 36, berkata, bantuan Unit Agropreneur Muda dapat meningkatkan hasil perniagaan makanan sata dan otak-otak yang diusahakan sejak 2010.

Menurutnya, bermula dengan satu tan pengeluaran sebulan, ia meningkat kepada lima tan pengeluaran dengan nilai jualan RM50,000 sebulan.

"Menerusi bimbingan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan peralatan alat pemprosesan termasuk mesin pengadun, mesin pengisar, mesin penghancur daging dan peti ais, ia telah memberi hasil berganda," katanya.



Haslina (tengah) mendengar penerangan Nik Fadzli (dua dari kanan) mengenai pemprosesan sata dan otak-otak yang diusahakan di Taman Anggaman Sungai Petani sempena Jelajah Agropreneur Muda 2020 semalam.

Ekselatif Pemasaran Dapur Ibu Food Industri, Nor Izni Ismail, 35, pula berkata, penghasilan sambal belacan yang diusahakan syarikatnya meningkat sebanyak 40 hingga 50 peratus selepas dibantu unit berkenaan.

Menurutnya, transformasi dari aspek pembungkusan menjadikan produk sambal belacan dengan tema stail kampong lebih menyerlah, malah setanding

dengan produk antarabangsa melalui geran yang disalurkan.

"Sejak itu sambal belacan kami pernah sampai di Makkah, Arab Saudi dan negara luar yang lain seperti Jepun, Korea Selatan, New Zealand, Australia, Singapura dan Dubai.

"Bungkuskan produk lebih efisien, selain daya tahan sehingga setahun tanpa guna bahan pengawet," katanya.

Headline	Anak muda digalak rebut program MOFI		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Mar 2020	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	44	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	195 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,134
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,402



Anak muda digalak rebut program MOFI

ALOR SETAR - Generasi muda digalakkkan merebut peluang keemasan mengikuti program di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOFI) termasuklah Unit Agropreneur Muda.

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, ramai usahawan tani muda telah dilatih dan dibimbing kementerian semenjak Unit Agropreneur Muda ditubuhkan pada tahun 2016.

Beliau berkata, sehubungan itu, pihaknya menyasarkan 1,200 lagi peserta untuk menyertai Agropreneur Muda dalam usaha membantu golongan muda berpotensi untuk berkembang maju.

“Bagaimanapun, peserta berkenaan hendaklah memiliki asas

dalam bidang seperti pertanian, ternakan, perikanan, industri asas tani, pemasaran dan bidang-bidang lain yang berkaitan,” katanya ketika berucap kepada para peserta pada Kursus Penyediaan Rancangan Perniagaan di Jerai Hotel, Alor Setar, di sini semalam.

Sementara itu, Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Fouzi Ali berkata, lebih 50 peserta dari Pulau Pinang, Kedah dan Perlis mengambil bahagian dalam kursus yang berlangsung selama dua hari itu.

“Melalui kursus tersebut, para peserta didekah dengan teori dan ilmu pengetahuan tentang cara mengetengahkan perniagaan yang diberikan oleh pakar-pakar dalam bidang berkaitan,” katanya.



Haslina (depan, tengah) bersama peserta kursus bergambar kenangan selepas tamat Kursus Penyediaan Rancangan Perniagaan di Jerai Hotel, Alor Setar semalam.

Headline	Air Cukup tapi tidak sampai ke sawah
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)
Date	15 Mar 2020
Section	Tempatan
Page No	3
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily (EM)

Color	Full Color
Circulation	25,055
Readership	75,165
ArticleSize	243 cm ²
AdValue	RM 1,291
PR Value	RM 3,873



JUNZ, Musbah dan yang lain ketika turun padang melawat skim itu.

Air cukup tapi tidak sampai ke sawah

KOTA BELUD: Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Junz Wong turun padang bagi menyiasat aduan masalah air selepas sistem pengairan air untuk sawah padi di bawah skim Tawadakan di sini dinaiktaraf.

Beliau diiringi Adun Tempasuk Datuk Musbah Jamli, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah (JPS) Jeffery Ng, Timbalan Pengarah Jabatan Pertanian Sabah (DOA) Abd Latip, Pegawai Daerah Peter Jiton, dan Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Hajah Salmah.

Menurut Junz, hasil siasatan mendapati air yang disalurkan JPS sebenarnya mencukupi namun ada beberapa perkara yang menyebabkan air tidak sampai ke sawah padi terutamanya di kawasan yang jauh.

"Salah satu sebab ialah pembuatan

reka bentuk kurang sempurna kerana kekurangan dana dan penyelaras yang tidak teratur seperti air tidak mencukupi untuk setiap petak, saiz paip terlalu kecil dan sebagainya.

"Kurangnya kerjasama dalam kalangan pesawah juga menjadi punca masalah kerana pesawah berbeza dari blok tidak menyelaras dengan betul dalam memastikan pesawah lain mendapat bekalan air walaupun selepas sawah mereka sudah dipenuhi air."

"Dan satu lagi faktor penyebab adalah tidak ada penguatkuasaan untuk menyelaras perkhidmatan traktor," katanya.

Junz berkata beliau akan mengadakan mesyuarat bersama pihak berkuasa berkaitan dan pesawah untuk mencari mekanisma terbaik agar pesawah cemerlang dalam pengeluaran hasil.

Headline	Water woes faced by paddy farmers being looked into		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	15 Mar 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	5	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	313 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,745
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,236



Water woes faced by paddy farmers being looked into

KOTA BELUD: State Minister of Agriculture and Food Industry Datuk Junz Wong went to Kota Belud to investigate a complaint that there is insufficient water after upgrading of the water irrigation system for the paddy field under Skim Tawadakan.

Together with the investigation team was Director of Sabah Drainage and Irrigation Department (JPS) Jeffery Ng, Deputy Director of Sabah Department of Agriculture (DOA) Abd. Latip, Director of Integrated Agriculture Development Authority (IADA) Kota Belud Hajah Salmah and Assistant District Officer Peter Jiton.

The investigation team found that there is enough water by JPS but there are several reasons why the water is not reaching the paddy fields especially those at the far end block.

One of the reasons is the lack of design due to lack of funds and improper uncoordinated priority, for example, not enough water intake points



Junz (with cap) and government officials on the ground to find out what should be done to resolve the water problem faced by paddy farmers in Kota Belud.

for plots and piping size is too small.

Another one important reason is due to the fact that the farmers are not working together. Different farmers from the same block do not

coordinate properly to ensure all other farmers have water supplies even after their paddy fields are filled with water.

Another reason cited is no enforcement of coordinating the tractor services.

Junz will call for meetings with all relevant authorities and farmers to find the best mechanism for paddy farmers to excel in yield production to increase the SSL of our own paddy.

Headline	Enough water but it is not reaching the paddy fields		
MediaTitle	Daily Express (KK)		
Date	15 Mar 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	25,055
Page No	3	Readership	75,165
Language	English	ArticleSize	135 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 717
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,152



Wong and others during the investigative site visit.

Enough water but it is not reaching the paddy fields

KOTA BELUD: State Agriculture and Food Industry Minister Datuk Junz Wong conducted an investigative site visit following the complaint of insufficient water after upgrading of the water irrigation system for paddy fields under the Tawadakan scheme here.

He was accompanied by Sabah Drainage and Irrigation Department (JPS) Director Jeffery Ng, State Agriculture Department Deputy Director Abdul Latip, Integrated Agriculture Development Authority (Iada) Kota Belud Director Hajah Salmah and Assistant District Officer Peter Jiton.

They found that there is enough water by JPS but there are several reasons why the water is not reaching the paddy fields, especially those at the far end block.

"One of the reasons is design lacking due to the lack of funds and improper un-coordinated priority, for example not enough water intake points for plots and piping size too small, etc."

"Another reason is due to the not working together on the farmers' part. Different farmers from the same block do not co-ordinate properly to ensure all other farmers have water supplies even after their paddy fields are filled with water."

"Another reason is no enforcement on co-ordinating the tractor services."

Wong said he will call for meetings with all relevant authorities and farmers to find the best mechanism for paddy farmers to excel in yield production.

Headline	Tubuh Unit Padi Bantu Tingkat Pengeluaran Padi Kota Belud		
MediaTitle	Borneo Today (www.borneotoday.net)		
Date	15 Mar 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	4
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,000
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,000

Tubuh Unit Padi Bantu Tingkat Pengeluaran Padi Kota Belud

KOTA BELUD: Kementerian Pertanian & Industri Makanan Sabah (MAFI) akan menubuhkan Unit Padi dalam menyelaras Skim Jelapang Padi Kota Belud agar pengeluaran padi dapat dipertingkatkan. Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Junz Wong berkata, perhub...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Nekmat stocking up frozen fish supply for monsoon season		
MediaTitle	New Sabah Times English (KK)		
Date	15 Mar 2020	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	11,025
Page No	6	Readership	33,075
Language	English	ArticleSize	106 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 235
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 704



Nekmat stocking up frozen fish supply for monsoon season

PUTRAJAYA: Efforts are being intensified to stock up fresh frozen fish, through the National Fishermen's Association (Nekmat), especially during the current surplus fish harvest season.

The Fisheries Department in a statement today said the move was to ensure sufficient supply of fish in the peninsula to brace for the upcoming monsoon season.

Among species being stocked are kembung, selayang, cencaru, seiar and

pelaling which are the choice of most Malaysians, he said.

On the current high supply of ikan kembung which has gone viral on social media, the department said this was due to increase in harvest at areas five nautical miles off the coast at the northern part of the peninsula.

Research showed that the abundant supply of fish was due to the high concentration of chlorophyll (phytoplankton) which encourages the growth of

zooplankton which the fish feed on.

"The high concentration of chlorophyll content at the northern and central Melaka Straits is recorded in January and February as well as during the northeast monsoon namely in October, November and December," the statement said.

The phenomenon also relates to the spawning season between June and September that takes about eight months for the fish to mature. —Bernama

Headline	Akademisi Dukung Upaya Kementan Melawan Alih Fungsi Lahan Pertanian		
MediaTitle	Malaysia Shafaqna (malaysia.shafaqna.com)		
Date	15 Mar 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	2
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,000
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,000

Akademisi Dukung Upaya Kementan Melawan Alih Fungsi Lahan Pertanian

Keinginan Kementerian Pertanian (Kementan) melawan arus alih fungsi lahan pertanian mendapat dukungan kalangan akademisi.
[Baca tapak asal](#)

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)